

Semakin ramai Muslim nantikan pemindahan organ

► ROSEBI MOHD SAH
rosebi@sph.com.sg

PEJABAT Mufti menjelaskan perlunya terus berkongsi maklumat mengenai perkembangan mengenai Akta Pemindahan Organ Manusia (Hota) serta faktor yang menuntut perubahan pada fatwa yang berkaitan dengannya.

Ini kerana jumlah orang Islam di Singapura yang berada dalam senarai golongan pesakit yang memerlukan pemindahan organ masih lagi tinggi.

Ia diburukkan lagi dengan jumlah orang Islam yang berikrar mahu menyertai pendermaan organ mereka dalam Hota semakin berkurangan.

Mendedahkan demikian dalam Forum mengenai Hota baru-baru ini, Timbalan Pengarah, Dasar dan Peraturan Keagamaan, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy, berkata justeru, terdapat keperluan genting bagi meningkatkan kesedaran peri perlunya menambah ikrar organ dalam Hota supaya dapat membantu pesakit yang merana dan sangat memerlukan bantuan tersebut.

Menurutnya, sehingga 2005, terdapat 16,142 pengikrar Muslim yang berikrar menyertai sistem pilihan disertakan (opt-in) dalam Akta Perubahan (Terapi, Pendidikan dan Kajian) atau MTERA 1972.

Namun, pada 2006, terdapat kemerosotan sebanyak 91 peratus jumlah pengikrar iaitu hanya 87 orang sahaja.

Menggambarkan cabaran yang dihadapi masyarakat Islam dalam isu Hota, Ustaz Irwan Hadi berkata jumlah masyarakat Islam di Singapura sekitar atau kurang daripada 15 peratus.

Namun, orang Islam yang sakit dan memerlukan pemindahan organ lebih tinggi peratusnya iaitu 20 hingga 21 peratus pada 2006.

“Antara 1993 dengan 2000 terdapat 130 orang Islam meninggal dunia sedang mereka menantikan pemindahan ginjal. Justeru, terdapat keperluan genting bagi meningkatkan kesedaran untuk membantu golongan pesakit yang merana dan memerlukan bantuan segera bagi pemindahan organ,” ujar beliau dalam ceramahnya bertajuk Hota Menerusi Lensa Muslim, di Auditorium Muis Sabtu lalu.

Forum itu dianjurkan bersama oleh Persatuan

PEMINDAHAN ORGAN DI SINGAPURA

Jumlah Orang Dalam Senarai Menunggu

| Tahun | Ginjal | Hati | Jantung | Kornea | Paru-paru |
|-------|--------|------|---------|--------|-----------|
| 2008 | 511 | 13 | 4 | 27 | 2 |
| 2009 | 460 | 14 | 6 | 22 | 0 |
| 2010 | 412 | 18 | 7 | 28 | 1 |
| 2011 | 436 | 24 | 5 | 23 | 4 |
| 2012 | 457 | 23 | 13 | 23 | 0 |

Jumlah Pemindahan Organ

| Tahun | Ginjal | Hati | Jantung | Kornea | Paru-paru |
|-------|--------|------|---------|--------|-----------|
| 2008 | 73 | 23 | 3 | 347 | 0 |
| 2009 | 69 | 25 | 5 | 323 | 0 |
| 2010 | 61 | 26 | 3 | 341 | 0 |
| 2011 | 67 | 19 | 2 | 350 | 0 |
| 2012 | 51 | 21 | 2 | 365 | 0 |

Sumber: UNIT PEMINDAHAN ORGAN NASIONAL

Karyawan Jagaan Kesihatan Muslim Singapura (MHPA) dan Kumpulan Syafaa – terdiri daripada sekumpulan pelajar jurusan kejururawatan dan perubatan daripada Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Ustaz Irwan Hadi berkata perubahan fatwa mengenai pendermaan organ di sini juga berubah dari semasa ke semasa mengikut perkembangan teknologi dan keperluan yang berubah dalam masyarakat Singapura.

Misalnya, Jawatankuasa Fatwa Muis membenarkan menderma ginjal pada 1986, kemudian pendermaan bagi kornea mata dibenarkan sembilan tahun kemudian (1995); dan pendermaan organ jantung dan hati pula dibenarkan sejak 2003.

“Adapun sebab fatwa itu perlu diubah termasuklah perkembangan teknologi dan keberkesanan teknik pemindahan organ yang semakin canggih, keperluan pesakit yang menanggung penderitaan dan beban kewangan, serta realiti jumlah penderma yang amat rendah di kalangan masyarakat Islam,” jelas Ustaz Irwan Hadi.

Begitu juga dengan syarat kebenaran daripada waris, ia mula diperkenalkan pada Disember 1985.

Hampir 20 tahun kemudian (2004), syarat itu ditukar kepada dua saksi lelaki bagi menggantikan waris penderma organ.

“Perubahan itu juga perlu kerana memandangkan terdapat keadaan di mana yang punya diri ingin sangat menderma organnya selepas kematiannya, namun dihalang oleh kaum keluarganya.

“Ini kemudian menyebabkan satu kebaikan itu terhalang, maka timbul kesulitan. Untuk itu agama menuntut agar suatu kesulitan itu hendaknya diatasi,” tambahnya.

Ustaz Irwan Hadi turut menjelaskan beberapa isu dan persoalan yang biasa ditimbulkan orang ramai menyulusi perubahan fatwa.

Misalnya, adakah penerima derma organ akan menanggung dosa orang yang menderma?

Beliau berkata Surah An-Najm, ayat 38-41, menjelaskan bahawa tiada seseorang yang dibebankan (dengan dosanya), harus menanggung beban (dosa) orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).

“Antara 1993 dengan 2000 terdapat 130 orang Islam meninggal dunia sedang mereka menantikan pemindahan ginjal. Justeru, terdapat keperluan genting bagi meningkatkan kesedaran untuk membantu golongan pesakit yang merana dan memerlukan bantuan segera bagi pemindahan organ.”

– Ustaz Irwan Hadi dalam ceramahnya bertajuk Hota Menerusi Lensa Muslim.

Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.

Mengenai persoalan sama ada orang Islam boleh menderma organ mereka kepada orang bukan Islam, Ustaz Irwan Hadi berkata Al-Quran dalam surah Al-Mumtahanah ayat 8, menjelaskan bahawa:

“Allah swt tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi mu kerana agama, dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah swt menyukai orang-orang yang berlaku adil.”

Bahkan, Ustaz Irwan Hadi berkata terdapat hadis yang menganjurkan agar masyarakat Islam menabur ihsan kepada semua orang tanpa mengira bangsa mahupun agama.

“Jika seseorang itu boleh mendapat kebebasan daripada api neraka kerana dengan hanya berkongsi secebis potongan kurmanya dengan orang lain, bayangkan besarnya ganjaran seseorang yang berkongsi organ tubuhnya kepada orang yang sangat memerlukannya,” tambahnya memetik hadis tersebut.